

58
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS.

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

SOALAN NO. 325

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap keberkesanan Program Mengenal Pasti Bakat Sukan (MyTID) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2007 dalam melahirkan atlet muda yang mampu bersaing bagi mengharumkan lagi nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Sukan Negara telah menyediakan program-program yang mampu menjadi platform bagi mencungkil bakat baru dalam sukan.

2. Program Pengenalpastian Bakat yang dikenali sebagai *Talent Identification* (TID) telah dijalankan pada tahun 2007 hingga 2013. Seramai 243,282 peserta telah diuji dan daripada itu seramai 20,781 yang berpotensi telah dikenal pasti. Melalui program saringan ini, murid yang berpotensi akan dipilih untuk mengikuti Program Pembangunan Multilateral yang memfokuskan kepada pembelajaran dan perkembangan kemahiran. Di samping itu, kadar pertumbuhan dan perkembangan kemahiran individu akan dipantau.

3. Pada tahun 2015, Program Pembangunan Bakat Akar Umbi Kebangsaan (MyTID) telah dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian melalui Institut Sukan Negara bersama Kementerian Pendidikan Malaysia. Jalinan kerjasama ini memperluaskan tapak pencarian bakat dengan menyaring bakat di peringkat akar umbi menggunakan kaedah saintifik dan teknologi dengan menguji seramai 104,956 murid.

4. Secara amnya, program pencarian bakat dilaksanakan berdasarkan sukan dan juga keperluan semasa. Atlet yang terpilih akan diletakkan

60

SULIT

di bawah program pengkhususan bakat di bawah seliaan Majlis Sukan Negara. Bakat mereka akan digilap dan difokuskan kecenderungan mereka dalam sukan-sukan terpilih untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

5. Hasil dari program ini, Kementerian telah melahirkan atlet seperti Elena Goh Ling Yin memenangi pingat emas di Sukan SEA 2017 dalam acara 10,000m jalan kaki, Muhamad Fauzan Abu Hasan menyumbang pingat gangsa di Sukan SUKMA 2016 dalam acara sepak takraw, Akid Daniel Mohd Jerry Lee memenangi pingat gangsa di SUKMA 2016 bagi acara memanah.
6. Kementerian dengan kerjasama universiti tempatan kini dalam usaha melaksanakan model baru bagi program pembangunan bakat iaitu 'Kompas Juara'. Ia merupakan sistem pintar yang membolehkan pengenalan bakat yang lebih cekap melalui jangkaan pencapaian (model ramalan) dan kecenderungan sukan atlet yang bersesuaian untuk potensi kejayaan.

Sekian, terima kasih.